

09/07/1997

BSKL pertingkat program IT

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) akan memperuntukkan sejumlah besar wang untuk melaksanakan program teknologi maklumat (IT) sebagai sebahagian daripada rancangan pembangunan lima tahunnya untuk menjadi bursa bertaraf dunia.

Pengerusi Eksekutif BSKL, Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusof, berkata pelaksanaan kemudahan IT itu sebahagian besarnya meliputi sistem dagangan di bangunan baru BSKL di Bukit Kewangan, Kuala Lumpur dan pengurusan sumber manusia.

"Jumlah sebenar peruntukan bagi melaksanakan program IT belum boleh saya nyatakan kerana ia adalah proses berterusan. Bagaimanapun, tahun ini saja ia membabitkan jumlah wang yang besar," katanya pada sidang akhbar selepas menandatangani perjanjian pembelian dan pemasangan sistem pengurusan sumber manusia Peoplesoft, di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut Nik Mohamed Din, rancangan pembangunan lima tahun BSKL yang dimulakan tahun lalu mengambil kira semua aspek pertumbuhan bursa itu bagi menjadikannya bertaraf dunia menjelang permulaan abad ke-21.

Perpindahan ke bangunan baru yang bermula awal bulan ini juga adalah sebahagian daripada rancangan berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan bangunan berharga RM100 juta itu pada 15 Ogos ini.

BSKL membelanjakan RM1.2 juta tahun ini untuk membeli perisian itu dari KE Systems Sdn Bhd (KE Systems) yang antara lain membolehkannya menguruskan pentadbiran tenaga kerja.

(END)